

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Kajian perlombongan di daerah Dungun dibuat bermula dari tahun 1910 hingga 1971. Tempoh ini dipilih kerana kegiatan perlombongan bijih timah mula diusahakan secara aktif pada ketika itu. Walaupun begitu, sejarah perlombongan di Dungun telah bermula lebih awal dari tarikh tersebut tetapi cuma dilakukan secara kecil-kecilan. Perlombongan wolfram bermula pada tahun 1898 lagi tetapi ia cuma mula diusahakan secara meluas pada tahun 1908 atau 1910. Pada tahap ini, perlombongan di negeri Terengganu berada di dalam satu era yang memberangsangkan. Pihak-pihak luar mula menunjukkan minat terhadapnya kerana telah berlaku perubahan politik akibat kemasukan British di Terengganu selepas Perjanjian Bangkok 1909.<sup>1</sup>

Daerah Dungun dipilih berdasarkan kelebihan kawasan ini berbanding dengan kawasan lain di Negeri Terengganu. Dungun satu-satunya kawasan yang paling banyak mengandungi bahan galian seperti bijih timah, wolfram, emas dan besi. Dungun juga merupakan kawasan awal penerokaan dalam sektor perlombongan yang dilakukan oleh orang Melayu. Satu hal yang menarik pengkaji memilih daerah ini kerana banyak sumber bertulis dan lisan didapati berbanding kawasan lain. Selain daripada itu, Dungun telah menjadi minat utama syarikat-syarikat asing terutama dari Jepun dan Britain. Simpanan galian yang banyak di kawasan ini membawa kepada banyak pembukaan lombong kecil-kecilan secara berselerak di seluruh daerahnya.

<sup>1</sup> Shaharil Talib "Sejarah Terengganu Sebelum Penjajahan, Satu Pendekatan Sosial, dalam *WARSAN*, Vol. 42, No. 6, 1980/81, hlm. 9.

<sup>2</sup> John Anderson kepada Pejabat Kolonial No. 303, bertarikh 22 Februari 1909, C.O. 273/351.

Dungun juga menjadi perhatian utama pihak istana terutama oleh sultan Zainal Abidin ke III. Baginda telah menggalakkan rakyat Negeri Terengganu meneroka kawasan tersebut. Banyak dokumen-dokumen tentang perlombongan di daerah Dungun boleh ditemui dalam simpanan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Pada awal abad ke-20, kawasan perlombongan di Terengganu banyak terdapat di daerah Kemaman dan Dungun. Kawasan perlombongan di Dungun, khasnya dikawasan Hulu Dungun mempunyai kelebihan kerana ia bersempadan dengan daerah Hulu Terengganu, Marang dan Kemaman. Keadaan ini menyebabkan ia menjadi tumpuan kepada kemasukan penduduk sekitarnya apabila sahaja perlombongan mula dimajukan. Hulu Dungun telahpun diketahui oleh ramai penduduk Terengganu sebagai kawasan yang kaya dengan bahan galian seperti bijih timah, emas dan wolfram. Manakala besi tidak diketahui oleh orang ramai. Namun begitu, mereka tidak dapat mengusahakannya kerana kekurangan modal dan kepakaran.

Pada tahun 1908, lombong timah mulai dibuka di Paka. Selain Paka, Bukit Lentor juga menjadi tumpuan pelombong dalam pengusahaan wolfram. Pembukaan lombong di Bukit Lentor telah membawa kepada pembentukan Pekan Pasir Raja dan Kuala Jengai.<sup>3</sup> Pembukaan lombong-lombong di kawasan Dungun banyak membantu

---

<sup>3</sup> Pekan pasir Raja merupakan nama baru Kampung Durian Panglima. Ia dibuka oleh Tengku Tempurung pada tahun 1820. Pada 1896, ia ditukar kepada Pasir Raja oleh salah seorang anggota rombongan Raja yang melawat Pasir Raja.

pembesaran bandar Dungun dari sebuah kampung nelayan yang kecil dan mundur kepada sebuah bandar yang sibuk sebelum merdeka. Kebanyakan penduduknya dari berbagai-bagai bangsa yang datang ke bandar Dungun kerana tertarik dengan peluang ekonomi

Sebelum tahun 1921, kawasan Dungun terkenal sebagai pengeluar bijih timah dan wolfram di Tanah Melayu. Pada masa itu, orang tempatan menjadi pengusaha utama dan diikuti oleh orang Cina dari Singapura yang mengusahakannya pada masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Baginda Sultan merupakan pemerintah yang berpandangan jauh. Baginda telah menunjukkan minat yang tinggi dalam sektor perlombongan. Baginda telah bertindak memajukan kawasan Dungun, secara tidak langsung menarik orang luar untuk mendiami daerah Dungun. Baginda sedar kemasukan orang luar boleh membekalkan modal kepada pegawai istana dan penduduk tempatan yang berminat dalam perlombongan timah. Sebagaimana diketahui, batasan utama pengusaha tempatan ialah modal dan kemahiran. Oleh itu, kemasukan orang asing khususnya orang Cina dari Singapura sangat dialu-alukan

Pada peringkat awal, ramai pegawai-pegawai istana telah menceburkan diri dalam sektor perlombongan dengan bantuan kewangan daripada pihak baginda sendiri tetapi gagal kerana kurang pengetahuan tentang perlombongan.<sup>4</sup> Pada tahun 1916, baginda telah membuka peluang kepada mana-mana individu atau syarikat luar yang berminat datang ke Terengganu. Sebelum ini, kerajaan Terengganu mengawal ketat kemasukan

---

<sup>4</sup> Pegawai istana yang diberi tanggungjawab dalam hal-hal perlombongan di Terengganu ialah En. Buruk bin Katib Ismail. Beliau mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam soal-soal perlombongan.

individu atau syarikat asing ke Terengganu. Bagi syarikat atau individu yang berminat mengusahakan sektor perlombongan akan dikenakan cukai yang cukup rendah dan menarik. Walaupun begitu, pelabur-pelabur luar masih lagi berhati-hati kerana tidak yakin Terengganu mempunyai simpanan timah yang banyak. Mereka tidak dapat bukti yang konkret dari segi mutu dan kawasan utama yang dipercayai mengandungi bijih timah. Selepas wujudnya campur tangan British terhadap negeri Terengganu, usaha menyakinkan pelabur telah diambil oleh British secara berkesan. Pelabur mula yakin bahawa pelaburan mereka terjamin dengan perlindungan British. Pelabur sangat berminat terhadap pelaburan di daerah Dungun yang dipercayai terdapat banyak longgokan bahan galian terutama bijih timah, wolfram dan besi.<sup>5</sup> Sebelum tahun

---

<sup>5</sup> H.Sutherland "Taming of The Terengganu Elite" dalam Ruth T Mc (ed) *Southeast Asian Transitions* New Haven: Yale University Press, 1978. hlm. 32.

1921, tumpuan pelabur terhadap bijih timah amat ketara sekali terutama di kawasan Paka Malah, bandar Paka muncul adalah kerana kegiatan perlombongan bijih timah<sup>6</sup>. Sebelum tahun 1930, bijih besi telah ditemui oleh penduduk tempatan, tetapi mereka tidak mengusahakannya kerana kekurangan modal dan kemahiran, tambahan pula besi berada jauh ke dalam tanah yang berbatu. Pada tahun 1921, ahli geologi Jepun telah menunjukkan minatnya untuk mengkaji kandungan besi di Dungun. Pada tahun 1930, Ekoran dari itu, lombong besi telah dibuka secara rasmi dan telah berjaya menarik pelaburan dari syarikat perlombongan terbesar Jepun iaitu *Nipon Mining Corporation* ( NMC ). Pembukaan lombong besi ini telah membantu bandar Dungun muncul sebagai bandar yang maju di Terengganu.<sup>7</sup>

Kemajuan sektor perlombongan di daerah Dungun sangat besar sumbangannya kepada negeri Terengganu. Kelahiran Bandar Bukit Besi, Paka dan Pasir Raja adalah sumbangaan sektor perlombongan. Bagi Bandar Bukit Besi dan Dungun sangat bergantung kepada bijih besi yang dijumpai di Hulu Dungun khususnya di Chemuak. Perlombongan Bukit Besi juga secara langsung memberi kesan dari segi ekonomi, sosial budaya dan politik di daerah tersebut.

Pada tahun 1916, Paka terlebih dahulu menjadi tumpuan penduduk di daerah Dungun. Adalah dipercayai Paka lebih maju daripada bandar Dungun. Menurut catatan bertulis, pada tahun 1916, Paka terlebih dahulu menjadi tumpuan penduduk di

---

<sup>6</sup> Paka merupakan kawasan paling awal kegiatan perlombongan di daerah Dungun. Pada tahun 1896, Bijih timah telahpun dilombong tetapi jumlahnya tidak begitu banyak. Menurut sumber lisan, Paka mula maju apabila bijih timah dijumpai.

<sup>7</sup> J. De V. Allen, "Sultan Zainal Abidin III", *Malaysia In History*, Vol. 12, No 1, Oct. 1968 hlm. 3.

daerah Dungun. Adalah dipercayai Paka lebih maju daripada bandar Dungun Menurut catatan bertulis dan temuramah daripada beberapa responden yang ditemui di kampung Paka, mereka menceritakan kampung Paka sebuah pekan yang agak sibuk

Ramai penduduk sekitarnya mula mendiamai pekan Paka dan membuat penempatan sementara sekitar lombong timah. Pada masa itu sekitar tahun 1898, bandar Dungun cuma tempat pendaratan nelayan kecil sahaja. Sebahagian besar nelayan lebih suka mendarat di Kuala Paka kerana ia lebih mudah untuk memasarkan hasil tangkapannya kerana ramai penduduk ditambah lagi ia berdekatan dengan daerah Kemaman. Bandar Dungun tidak menyediakan pasaran yang baik kerana rata-rata penduduknya sangat daif dari segi pendapatan.<sup>8</sup>

Tambahan pula keadaan fizikal kampung-kampung di Kuala Dungun sangat buruk, kotor dan berbau busuk akibat longgokan sisa ikan serta bau budu dan belacan yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Kajian menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan bertulis yang amat ketara. Oleh hal demikian, kajian ini banyak bergantung kepada temuramah dan bahan-bahan kesan tinggalan lama. Kebanyakan lokasi-lokasi perlombongan yang ada tidak banyak membantu kajian ini mengesan peristiwa kegiatan perlombongan. Kajian dilakukan berdasarkan cerita-cerita responden. Bukti-bukti bergambar juga turut membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Namun begitu kajian ini tidak menghadapi masalah dalam membuat penyelidikan terhadap Bukit Besi. Ini kerana terdapat banyak bahan-bahan bertulis seperti rekod-rekod bertulis yang diperolehi dari simpanan Kerajaan Negeri Terengganu seperti Annual Report dan buku-buku yang telah diterbitkan. Selain daripada itu kebanyakan responden yang ditemui adalah orang yang terlibat secara

---

<sup>8</sup> K.W. Lee. The Geology, Mineralization of studies of Bukit Lentor area Terengganu. B.Sc (Hon) Tesis University Malaya, 1971.

langsung dalam sektor perlombongan bijih besi di semua bidang iaitu dari buruh kasar hingga ke pegawai tinggi. Kebanyakan daripada mereka masih hidup dan masih sihat. Walau bagaimanapun pengkaji menghadapi masalah untuk mendapat bukti dari segi ekoologi atau tinggalan-tinggalan lombong semasa Jepun dan British. Hal ini terjadi kerana banyak bahan lama terutama logam besi telah dicuri oleh pencuri-pencuri besi haram yang memusnahkan besi-besi seperti bangkai kilang dan relau memasak besi untuk dijual kepada kilang besi Perwaja di Kemaman.<sup>9</sup>

Selain daripada itu, kawasan-kawasan yang banyak terdapat kesan tinggalan lama lombong telah dimajukan dijadikan kawasan pembangunan untuk perumahan, kawasan pertanian dan sebahagiannya diubahsuai menjadi kawasan rekreasi dan padang golf. Kesannya sebahagian khazanah berharga turut musnah antaranya landasan keretapi, stesen keretapi, bangkai keretapi dan sebahagian terowong juga turut musnah tanpa dipelihara. Pada tahun 1940an bandar Dungun dikatakan agak maju. Berlaku satu perubahan yang mengejutkan dari sebuah kampung nelayan bertukar kepada bandar yang maju lagi sibuk kesan pembukaan lombong besi. Menurut sumber lisan mengatakan dari segi fizikal, bandar Dungun tidak banyak berubah cuma wujud pertambahan penduduk secara mendadak. Bangunan-bangunan moden tidak banyak didirikan yang sepatutnya seiring dengan pertambahan penduduknya. Hari ini pengkaji juga sukar untuk mendapat sumber tinggalan zaman Jepun dan British di bandar Dungun. Hanya beberapa tempat sahaja yang boleh ditemui iaitu di Kampung Che Lijah, Sura Gate dan kawasan pantainya. Manakala di kawasan lain telah dimusnahkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab dan buta pada nilai sejarah.

---

<sup>9</sup> Shahril Talib Robert, "The Terengganu Ruling Class in Nineteenth Century", *JMBRAS*, Vol.50, Pt. 4, 1997, hlm. 25-27.

Dalam kajian ini pengkaji menghadapi masalah untuk mendapat rekod-rekod lama dari syarikat-syarikat Jepun dan British. Kajian mendapati rekod-rekod itu berada di England dan Jepun. Oleh itu sukar untuk mendapat sumber utamanya. Kebanyakan perlombongan di Dungun tidak diusahakan secara besar-besaran kecuali Bukit Besi. Bagi kawasan lain kita tidak dapat mengumpul banyak maklumat kerana banyak daripada bahan bukti telah musnah kerana terdedah dengan cuaca yang melampau iaitu hujan dan panas.<sup>10</sup>

Kehebatan bandar Dungun sebenarnya banyak bergantung kepada populariti perlombongan bijih besi di Bukit Besi. Dunia mengenali Tanah Melayu, negeri Terengganu dan Dungun kerana bijih besi di Bukit Besi. Syarikat-syarikat yang terlibat banyak berusaha keras meningkatkan pengeluaran besi dari masa ke semasa. Kewujudan perlombongan juga turut memajukan sektor-sektor lain. Penyelidikan ini menghadapi masalah untuk mendapatkan rekod-rekod lain yang berkaitan bagi membantu penyelidikan perlombongan di Dungun.


Kekayaan Bukit Besi dengan longgokan besi telah menjadi rebutan antara Jepun dengan British. Desertasi ini dapat membuat ulasan dan tafsiran terhadap minat kedua-dua kuasa asing tersebut. Ini dapat dibuktikan apabila mana-mana satu kuasa menguasai lombong, mereka akan cuba mengeksplotasi semaksima mungkin hasil perlombongan dalam jangka masa yang terhad. Kajian juga menghadapi masalah untuk mengenali secara dekat dan jelas dari segi alatan, kaedah dan jentera yang dimiliki setiap syarikat. Ini kerana sebelum kuasa itu meninggalkan lombong, mereka

---


<sup>10</sup> K.W. Lee. The Geology, Mineralization of studies of Bukit Lentor area Terengganu. Tesis B.Sc (Hon) Universiti Malaya tahun 1971 hlm. 69.

akan memusnahkannya dengan cara membakar atau meletupkan semua kemudahan asas yang ada di situ.

Apabila kuasa lain mengambil alih, mereka terpaksa membawa peralatan baru Keadaan ini menyebabkan kajian menghadapi masalah untuk mencari sumber utama Namun sumber-sumber kedua boleh ditemui di perpustakaan negeri Terengganu.  
Arkib Negeri dan Muzium Negeri



Gambar 1.0 : Gambar menunjukkan proses luluhawa akibat cuaca panas dan hujan yang dialami di kawasan ini.



Gambar 1.1 : Gambar ini menunjukkan kawasan tersebut pernah berlaku kegiatan perlombongan wolfram. Kesan perlombongan hilang akibat luluhawa yang aktif.

Proses pengluluhawaan telah banyak merubah pandangan darat di kawasan perlombongan Bukit Lentor sehingga banyak kesan-kesan perlombongan telah hilang dari pandangan mata.

Tujuan dan objektif kajian, kajian telah mengambil kira kesemua jenis perlombongan dan daerah Dungun yang bermula dari tahun 1910 hingga 1971. Penyelidikan ini telah membuat beberapa pilihan tempat yang utama dalam pengeluaran hasil galian utama di daerah Dungun. Lokasi yang menjadi pilihan kajian ialah Bukit Besi, Bukit Lentor, Kuala Jengai, Pasir Raja dan juga Paka. Pengkaji telah cuba melihat dari segi pengertian sejarah hubungan dan perkaitan dengan perlombongan di Dungun dari sudut ekonomi, Politik dan sosial budaya. Bagi menghasilkan penghasilan yang berkesan, Pengkaji telah cuba menyusun beberapa objektif penting sebagai strategi untuk mencapai matlamat dan tujuan pengkajian tesis ini.

Bagi objectif pertama, Desertasi ini telah mengkaji lokasi-lokasi utama lombong di daerah Dungun. Pengkaji juga sedaya upaya mengenalpasti bentuk lombong dari segi saiz dan keaktifan pengeluarannya. Kajian juga beusaha mencari kaedah perlombongan dan taburan kawasan perlombongan di daerah Dungun. Sebelum ini, kita akan meneliti monofologi dan fungsi kawasan-kawasan perlombongan tersebut. Dalam hal ini, kajian akan mengambil kira pengaruh sektor tersebut kepada masyarakat setempat, baik dari segi perkaitan dengan politik negeri Terengganu.

Satu hal yang cukup menarik ialah Desertasi ini memaparkan peranan yang dimainkan oleh Sultan Abidin III ke arah melahirkan negeri Terengganu sebagai pengeluar hasil galian utama di Tanah Melayu. Dalam hal ini, satu perkara yang cukup penting ialah penglibatan syarikat Jepun dan British. Kajian ini juga cuba membuat satu perbandingan secara tidak langsung antara *Nippon Mining*

*Corporation ( NMC ) dan Eastern Mining and Metal Company ( EMMCO )* dan apakah perkaitannya antara satu sama lain.

Objektif kedua, Desertasi ini cuba memperlihatkan aspek hubungan sejarah perkembangan bandar Dungun dan bandar-bandar sekitarnya. Kajian ini memaparkan secara keseluruhan implikasi kewujudan lombong-lombong kepada masyarakat setempat dalam semua bidang. Fokus kajian kepada kemasukan warga asing ke negeri Terengganu sehingga mempengaruhi komposisi kaum di Bandar Dungun. Penyelidikan ini juga cuba memperlihatkan suasana bangsa yang terlibat dalam perlombongan terutama di Bukit Besi dalam perlombongan besi. Dalam hal ini, penulis tidak dapat lari daripada membuat kajian terhadap perkaitan hubungan antara pengusaha tempat samada daerah atau negeri. Oleh kerana kuasa tanah berada di tangan Sultan, Pembesar dan Penghulu, maka pengkaji berusaha mencari pemerintah dengan individu atau syarikat-syarikat terlibat.

Objektif ketiga, terdapat usaha untuk memperlihatkan penglibatan Kerajaan Negeri dalam usaha memajukan sektor perlombongan di Dungun. Pengkaji telah membuat kajian mengapa dan kenapa Kerajaan Negeri pada tahun 1940 an - 1950 an dilihat hampir tidak langsung memainkan perananya. Pengkaji cuba menyoal diri sendiri apakah pemimpin negeri pada masa itu tidak mempunyai idea untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul jika dibiarkan tanpa kawalan ? Apakah pemimpin pada masa itu tidak langsung terfikir untuk membina kilang besi seperti *PERWAJA STEEL* yang ada di Kemaman pada masa ini?. Kajian ini cuba membuat rumusan jika langkah awal diambil Oleh Kerajaan Negeri, ianya pasti dapat meneruskan operasi pengeluaran besi di Dungun sehingga sekarang. Kajian juga turut melihat Dasar Kerajaan yang berkaitan dengan hal ini.

Objektif keempat, Kajian cuba memperlihatkan kesan politik merupakan faktor yang amat penting dalam mempengaruhi perkembangan ekonomi sesuatu kawasan termasuk daerah Dungun sendiri. Desertasinya ini akan cuba memaparkan persoalan politik Terengganu yang banyak membawa kepada perpecahan masyarakat apabila persoalan agama lebih menjadi perdebatan harian. Pemimpin negeri banyak menghabiskan masa membicarakan persoalan yang remeh-temeh.<sup>17</sup> Kepentingan ekonomi dan pembangunan diabaikan oleh pihak pemerintah. Kajian juga memaparkan kepincangan pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu, terutama pemimpinnya rata-rata hanya mempunyai tahap pendidikan rendah yang sebahagian besarnya terdiri daripada guru agama dan penghulu. Suasana pergolakan politik di Terengganu menakutkan kehadiran pelabur untuk menanam modal. Kita juga dapat melihat sebab-sebab lain yang membawa kemerosotan perlombongan bijih seperti penemuan petroleum di Terengganu yang akhirnya menjadi tumpuan kerajaan.

Objektif kelima, kajian juga memperlihatkan kesan penutupan lombong bijih besi kepada masyarakat setempat dan negeri Terengganu. Penduduk Dungun menjadi panik dan Kerajaan negeri agak gelisah menghadapi permasalahan ini. Pengkaji cuba menggambarkan peranan yang dimainkan oleh Tan Sri Ibrahim Fikri dalam menangani permasalahan ekonomi Terengganu yang sangat gawat. Kebijaksanaan dan keberanian Ibrahim Fikri memajukan sektor peladangan sebagai alternatif kepada hasil bijih memang patut dipuji.

Kita juga merasakan Terengganu agak bertuah kerana perairan pantai Terengganu dikurniakan hasil petroleum yang dimajukan pada tahun 1978. Pembabitan Kerajaan Pusat untuk mengekalkan peranan Dungun sebagai satu-satunya

---

<sup>17</sup> R.S Milne, *Government and Politics in Malaysia*, Universiti of Boston Press, 1967, hlm. 79.

bandar perlombongan yang masih didominasikan oleh orang Melayu begitu ketara. Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah memasukan separuh keluasan daerah Dungun ke dalam rancangan KETENGAH. Tujuan rancangan ini diwujudkan agar penduduk yang berada di Bukit Besi dan kawasan sekitarnya terus kekal<sup>18</sup>

Kawasan kajian dilakukan di kawasan daerah Dungun yang melibatkan seluas 216 km persegi. Secara umumnya, pengkaji akan membuat tumpuan terhadap tiga lokasi utama iaitu Bukit Besi, Bukit Lentor dan Paka. Ketiga-tiga lokasi ini terletak di daerah Dungun. Dari kajian yang dibuat oleh penulis mendapat terdapat 192 buah kampung dengan jumlah penduduk seramai 26,841 orang mengikut bancian tahun 2000. Kawasan yang dibuat kajian oleh penulis merupakan kawasan yang mempunyai pengertian kepada daerah Dungun dan negeri Terengganu. Kemegahan bandar Dungun banyak sekali bergantung harap kepada kegiatan perlombongan bijih besi. Namun begitu, penyelidikan ini menemui satu rahsia baru bahawa Paka adalah terlebih dahulu maju berbanding Dungun kerana bijih timah. Kajian juga mendapat satu ketika dulu, Kuala Jengai dan Pasir Raja turut menarik perhatian orang luar kerana perlombongan wolfram.

Kuala Dungun dan Bukit Besi merupakan kawasan yang sering bergantung. Dari penyelidikan yang dibuat mendapat Kuala Dungun terutama kawasan Sura Gate tidak mempunyai apa-apa makna tanpa Bukit Besi. Begitu juga Bukit Besi sangat bergantung kepada bandar Dungun sebagai pintu masuk barang luar dan alatan perlombongan. Dungun juga bertindak sebagai pelabuhan untuk mengeksport bijih besi ke Jepun.

---

<sup>18</sup> Fail-Fail Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu 22/76, Pejabat Unit Perancang Ekonomi Negeri tahun 1976, hlm. 22.

Pada tahun 1952 hingga 1959, dikatakan penduduk bandar Dungun melebihi 36,000 orang manakala Bukit Besi pula mempunyai penduduk 19,000 orang Kepesatan ini akibat kemasukan orang luar daerah dan negeri Pengkaji juga mengambil kira kesemua jenis galian yang dilombong di Dungun iaitu timah, wolfram dan bijih besi. Kajian mendapati bijih timah terletak di selatan daerah Dungun iaitu Paka. Wolfram banyak terdapat di Hulu Dungun khususnya di Bukit Lentor manakala bijih besi di sekitar Chemuak. Pada tahun 1930 – 1970, bukti menunjukkan besi telah menjadi penyumbang utama kepada daerah Dungun terutama hasil besi yang dikeluarkan di kawasan Bukit Besi<sup>19</sup>

Sehingga ke hari ini, Kajian mendapati tidak ramai pengkaji yang membuat kajian secara khusus tentang perlombongan di daerah Dungun. Bagaimanapun, perlombongan bijih besi di Dungun dapat kita ketahui melalui penulisan tesis Mohd Hairon Yasar (pelajar keluaran 1975) dan Norlaili Idris dari Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Namun begitu gambaran tentang perlombongan secara umum boleh kita temui dalam buku-buku atau tulisan sejarah dan geografi oleh penulis-penulis kedua-dua seperti Buyung Adil. Penulis mendapati perlombongan di Terengganu boleh didapati dalam *Sejarah Terengganu* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1974 dan Terengganu (ed), *Papers On Malayan History*, Oxford University Press, Singapura 1962. Kedua-dua penulis ini melihat kawasan Dungun sekadar perkaitan dengan perlombongan di kawasan lain di Pantai Barat dengan melihat penglibatan kaum Cina, India, Eropah dan Jepun. Walaupun hakikatnya sejarah perlombongan di daerah Dungun bermula jauh lebih awal daripada

<sup>19</sup> Haji Muhammad Salleh Haji Awang, *Terengganu Dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918 (1337)* Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 162

<sup>20</sup> Francis Mark, S., "Captain Joseph Jackson Report on Terengganu, Journal of the Historical Society University of Malaya, Kuala Lumpur, 1969/70, hlm 3.

Kajian juga mendapati sejarah perlombongan di daerah Dungun banyak dimuatkan melalui buku-buku ditulis oleh penulis barat seperti Allen, J “*Sultan Zainal Abidin iii*”, Malaya in History, Vol. 12, No 1, The Malayan History Society, Kuala Lumpur, Oktober 1968. Penulis-penulis lain yang pengkaji dapati ada menyentuh perlombongan di Terengganu ialah Chang Su Ming yang bertajuk “*Kelantan and Terengganu*”. Penulis ini mengkaji dan meneliti penglibatan istana dalam perlombongan di Terengganu

Selain itu, kita juga mendapati catatan yang berkaitan perlombongan di Dungun boleh ditemui melalui laporan akhbar-akhbar harian seperti Berita Harian dan Utusan Melayu serta majalah Mastika. Sumber-sumber ini membantu kajian untuk melihat kesan perlombongan bijih besi. Perlombongan di kawasan daerah Dungun banyak dikesan melalui sumber-sumber awalan seperti *Annual Report, British Agent Terengganu 1915*, FMS Government Printers, Kuala Lumpur, 1916, fail-fail (SUKTR) dan sumber-sumber dari Arkib Negara Malaysia. Sumber tersebut amat penting dalam menyalurkan maklumat yang tepat dan kukuh kepada pengkaji dalam menghasilkan penulisan yang berkesan

Walau bagaimanapun, masih belum ada mana-mana pengkaji yang membuat kajian dan penghasilan secara khusus. Kajian kali ini akan cuba membuat penyelidikan sejarah perlombongan di daerah Dungun secara teliti dan khusus berdasarkan maklumat yang sedia ada serta pencarian terhadap sumber baru yang mungkin dapat ditemui. Adalah diharapkan percubaan pertama ini akan memberi hasil kajian yang bermakna dan dapat membantu pengkaji-pengkaji sejarah yang lain di masa-masa akan datang. Selaku pengkaji sejarah tempatan penulis merasa amat perlu untuk membuat kajian terbaik terhadap sejarah perlombongan di daerah Dungun. Sebelum ini, kita ada menemui kajian sepintas lalu daripada pengkaji Jepun yang

menyentuh perlombongan di Bukit Besi, tetapi apa yang mendukacitakan tidak banyak pekara-pekara penting dipaparkan. Pengkaji dari Jepun itu yang bermama Shiho Kato Cuma memberi penekanan kepada penglibatan syarikat perlombongan Jepun di Malaya sebelum Perang Dunia Ke-2. Dalam kajiannya, beliau menyentuh semua negeri-negeri yang melibatkan syarikat Jepun dalam perlombongan secara umum. Sejarah perlombongan di Bukit Besi tidak dipaparkan dalam bentuk situasi yang sebenar secara mendalam.

Bagi maksud melengkapkan disertasi ini, kajian menggunakan beberapa kaedah yang sesuai dengan bidang ini sendiri iaitu bidang persejarahan yang menuntut pelbagai disiplin iaitu sekurang-kurangnya bidang etnografi, antropologi dan arkeologi jika perlu. Memandangkan penyelidikan ini menyentuh sesuatu yang telah berlalu, maka disiplin sejarah tidak terkecuali dalam usaha mencari data-data dan fakta, khususnya seawal kehadiran manusia di kawasan Hulu Paka khususnya di Bukit Besi dan Bukit Lendor. Oleh itu, sekurang-kurangnya terdapat empat pendekatan utama yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji dalam melengkapkan disertasi ini.<sup>21</sup>

Pengkaji menggunakan pendekatan sejarah untuk mendapatkan sebanyak mungkin catatan mahupun laporan yang menyentuh tentang Bukit Besi dan Bukit Lendor dalam segenap Aspek yang berkemungkinan boleh digunakan untuk membuktikan hipotesis pengkaji. Oleh itu, pengkaji menggunakan Arkib Negeri Terengganu sebagai sumber utama merujuk catatan terutamanya semasa Sultan Zainal Abidin III dan Kerajaan Melayu yang berbentuk penerbitan, fail-fail kerajaan mahupun catatan-catatan peribadi oleh pegawai-pegawai kerajaan atau masyarakat setempat dan juga diari-diari laporan rasmi kerajaan. Sehubungan dengan itu, sumber-

---

<sup>21</sup> Drs. Tengku Ibrahim Alfian "Pengertian Sejarah" dalam *JEBAT*, Jurnal Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Sejarah, UKM Kuala Lumpur, Bil. 2, 1972/73. hlm. 99.

sumber yang diberi perhatian seperti Annual Report dan fail-fail mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu. Sumber ini sangat penting kerana ia mengandungi laporan rasmi dalam bentuk asli daripada jabatan-jabatan kerajaan dan pejabat-pejabat daerah. Dengan itu, segala aktiviti seperti ekspidisi, penerokaan, survei, kegiatan ekonomi seperti pertanian dan perlombongan di kawasan Hulu Dungun pada penghujung abad ke 19 dan 20 dicatatkan. Pengkaji juga turut memberikan tumpuan terhadap akhbar utama kerajaan seperti Utusan Melayu dan Mastika

Pendekatan ini sangat penting kerana semasa pentadbiran Sultan Zainal Abidin III terdapat banyak penerokaan baru pada kawasan-kawasan di bahagian Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu dalam sektor perlombongan. Ekspidisi-ekspidisi penerokaan ke kawasan Hulu Dungun sangat penting kerana mereka telah membuat catatan berupa rakaman yang menyentuh keadaan masyarakat, corak bentuk muka bumi, nama-nama sungai dan jenis-jenis galian yang ada di kawasan tersebut<sup>22</sup>

Laporan itu juga merupakan satu rakaman kehidupan masyarakat dan kegiatan ekonomi khususnya dalam sektor perlombongan, gaya hidup dan struktur masyarakat berbentuk tradisi mereka. Jika dibandingkan dengan hari ini, tentunya jauh berbeza. Disamping membuat rujukan terhadap rekod-rekod kerajaan, pengkaji turut merujuk buku-buku yang ditulis terutama penulis-penulis sejarah seperti Bujung Adil dan kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri Terengganu. Sumber ini penting untuk dikaitkan dengan sejarah Hulu Dungun. Untuk itu pengkaji telah mendapatkan sumber-sumber tersebut di beberapa perpustakaan seperti Universiti Malaya, Arkib Negeri Terengganu, Perpustaan Persatuan Sejarah Negeri Terengganu dan Perpustakaan Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Walaupun sumber-sumber tersebut

---

<sup>22</sup> M. Sheppard, "Short History of Terengganu", *JMBRAS*, Vol. 22, Pt 3, 1949, hlm 8.

lebih banyak merupakan sumber kedua ataupun secondary sources tetapi ada juga source seperti catatan-catatan pekerja-pekerja lombong Bukit Besi dan Bukit Lendor.

Buku-buku juga dirujuk terutama dalam mendapatkan asas disiplin penyelidikan seperti ilmu asas teori sejarah, arkeologi, antropologi dan etnografi serta responden. Ini termasuklah cara pendekatan bagi penyelidikan dalam arkeologi dan etnografi seperti teknik ekskarasi dan teori-teori dalam etnografi. Rujukan terhadap sumber kedua itu termasuklah penerbitan yang berbentuk jurnal seperti buku cenderahati Kerajaan Negeri Terengganu dan sebagainya<sup>23</sup>

Pendekatan arkeologi juga sangat penting kepada pengkaji. Memandangkan kawasan Hulu Dungun sudah lama ditinggalkan oleh pelombong maka sudah tentu agak sukar untuk mengenal pasti lokasi sebenar kegiatan perlombongan dijalankan. Dengan itu, pengkaji telah membuat ekskarasi di sebuah tapak lombong untuk memastikan jenis galian di situ. Dalam ekskarasi ini, pengkaji telah mendapat kerjasama baik dari Pengarah Muzium Negeri Terengganu dan kakitangan pejabat daerah Dungun. Sebelum pengkaji membuat carigali tersebut, penyelidikan buku-buku dan laporan dari Arkib Negeri terlebih dahulu diselidik bagi mendapatkan asas-asas teori dan kaedah yang akan digunakan. Selain daripada itu, pengkaji juga telah menjalani sesi taklimat dan perbincangan serta “training excavation” sebelum pengkaji melakukan carigali untuk sarjana ini. Pengkaji telah beberapa kali mengikuti rombongan Pengarah Muzium Negeri Terengganu, Encik Yusof bin Abdullah semasa

---

<sup>23</sup> Haji Muhammad Salleh Haji Awang, *Terengganu Dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918 (1337)* Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 162.

membuat kajian dan carigali terhadap tapak-tapak lama yang mempunyai nilai sejarah terutama di kawasan Setiu, Dungun dan Kuala Berang<sup>24</sup>.

Pendekatan carigali ini sangat penting untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang aspek dan cara perlombongan dijalankan. Kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh informan-informan yang pengkaji temui seringkali tidak merujuk kepada perlombongan yang sebenar. Maknanya perlombongan bijih besi bukan menjadi asas penerokaan kawasan Hulu Dungun. Dari carigali yang dibuat, terdapat kesan perlombongan timah dan emas<sup>25</sup>. Dengan ini, telah timbul satu usaha membongkar misteri sejarah di kawasan Hulu Dungun.

Dalam pada itu, unsur yang ingin dilihat dalam carigali ini ialah aspek stratigrafi iaitu melihat kronologi galian yang diusahakan oleh masyarakat Terengganu. Ini penting kerana sebelum besi ditemui, galian lain terlebih dahulu menarik minat pelombong Penerokaan demi penerokaan lain menyebabkan mereka menemui berbagai-bagai hasil galian yang lain. Sementara itu, penemuan jenis galian menjadi sejarah pelombong di kawasan Hulu Dungun. Lembah Sungai Jengai dan Hulu Paka turut diakui oleh para informan banyak mengandungi bahan-bahan galian. Disamping itu, pendekataan carigali ini juga penting untuk melihat samada tapak lombong besi ini pemah diusahakan bijih timah terlebih dahulu yang kemudiannya ditinggalkan kerana kekurangan sumbernya. Masyarakat setempat beralih pula ke kawasan lain. Kemungkinan ini disandarkan kepada beberapa sebab :-

<sup>24</sup> En. Yusof bin Abdullah, Pengarah Muzium Negeri Terengganu beliau sangat berpengalaman dalam mengenal bahan purba dan carigali.

<sup>25</sup> Lombong emas boleh ditemui di Kg Shukur Kuala Jengai Hulu Dungun. Sehingga hari ini, masyarakat setempat masih lagi mengusahakannya secara kecil-kecilan

- a) Keadaan tapak lombong besi yang terletak tidak jauh dari Sungai Dungun yang menjadi nadi pengangkutan masyarakat pada masa itu. Dengan itu kesesuaian sebagai tempat kediaman menyebabkan mereka kekal mendiami disitu dan memulakan pencarian kawasan lombong baru Kawasan Bukit Besi adalah satu kawasan baru yang ditemui pada masa itu, justeru itulah Bukit Besi mendapat nama
- b) Keadaan Bukit Besi yang berbentuk tanah tinggi dan berpaya sangat mustahil untuk menarik minat penduduk mendiaminya melainkan kerana ada sumber galian yang berharga Ini bermakna pada awalnya perlombongan timah menjadi teras kegiatan perlombongan di kawasan Hulu Dungun<sup>26</sup>

Pengkaji terpaksa menggunakan kaedah temuramah bagi mendapatkan tambahan maklumat. Pendekatan ini amat penting bagi mendapat reaksi sebenar terhadap penemuan kawasan perlombongan di Hulu Terengganu dalam segenap aspek yang berkemungkinan boleh digunakan untuk membuktikan ketepatan hipotesis pengkaji. Dengan itu, pengkaji terlebih dahulu mengenalpasti responden-responden yang bakal ditemuramah Pengkaji terlebih dahulu membuat kajian tentang tokoh-tokoh awal yang terlibat dalam perlombongan di Bukit Besi khususnya. Responden tersebut mestilah orang yang benar-benar tahu dan terlibat Antara tokoh-tokoh yang ditemuramah ialah bekas pegawai-pegawai daerah, bekas Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, bekas pekerja-pekerja lombong dan juga masyarakat setempat. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menemuramah Tengku Syed Omar, bekas Pegawai Daerah dan juga bekas Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu mengenai hal-hal yang berkaitan daerah Dungun. Pengkaji juga menemuramah bekas

---

<sup>26</sup> ARSEPTr. 1929, hlm.19.

wakil rakyat Bukit Besi, Haji Awang bin Jabar, bekas Timbalan Menteri Sains dan Alam Sekitar, Dato' Haji Abu Bakar bin Daud dan bekas Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Amar Wan Mokhtar bin Ahmad. Pengkaji telah mengumpul semua bahan bukti yang sangat penting dalam penulisan ini.

Bagi mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan situasi perlombongan pada masa itu, pengkaji turut menemuramah bekas pekerja lombong Bukit Besi dalam semua peringkat pekerjaan. Dalam bidang pengurusan, pegawai yang pernah ditugaskan telah ditemuramah bagi mendapat reaksi corak pentadbiran lombong antara satu syarikat iaitu perbandingan *Nipon Mining Corporation (NMC)* dan *Eastern Mining and Metal Company (EMMCO)*<sup>27</sup>. Hal yang sama juga dilakukan oleh pengkaji terhadap bekas pekerja-pekerja lain.

Maklumat tersebut merupakan satu rakaman yang cukup penting kepada pengkaji bagi menambah fakta yang tidak dapat ditemui dalam sumber bertulis. Pengalaman sendiri yang dialami pegawai, pekerja dan masyarakat biasanya tidak dibuat catatan. Adalah amat penting bagi pengkaji memperolehi maklumat daripada individu yang terlibat. Kaedah temuramah dengan tokoh yang terlibat ini sangat penting kerana ia adalah sumber utama primary. Oleh itu, ia dapat membantu kepada ketetapan kajian ini. Namun begitu, pengkaji juga terpaksa berhati-hati terhadap setiap sumber responden kerana dikhuatiri ada unsur-unsur tokoh tambah. Dalam hal ini, kemungkinan berlaku memang ada tetapi pengkaji akan merujuk kepada fakta bertulis jika didapati tidak relevan dengan apa yang terdapat dalam catatan seperti Annual Report atau sumber lain, pengkaji akan menolaknya. Pendekatan etnografi sangat penting dalam kajian ini. Sebelum pengkaji menjalankan penyelidikan

---


<sup>27</sup> *Annual Report of the British Agent Terengganu of the Year 1919*, hlm. 9.

temuramah dan carigali pada bulan Februari 2001, terlebih dahulu dari itu, pengkaji telah menjalankan penyelidikan etnografi dalam dua cara iaitu rujukan buku ataupun penulisan tentang etnografi di Terengganu khususnya dan teori-teori asas etnografi amnya. Disamping itu, pengkaji juga telah melakukan kajian etnografi secara persendirian terhadap masyarakat di daerah Dungun semenjak 2000 lagi.

Kumpulan masyarakat yang menjadi tumpuan pengkaji ialah masyarakat yang menurut pendapat pengkaji menerima kesan langsung terhadap aktiviti perlombongan di daerah Hulu Dungun.<sup>28</sup> Dengan itu termasuklah kumpulan-kumpulan bekas pekerja lombong, peniaga, bekas pegawai kerajaan dan masyarakat Hulu Dungun yang dikenali sebagai orang Hulu. Kajian juga menggunakan pendekatan tipologikal dan analisis saintifik. Kerja-kerja menganalisi tipologi dikakukan terhadap barang-barang tinggalan lombong yang diperolehi sewaktu kerja-kerja penjejakan dan carigali dilakukan. Usaha ini merupakan sebahagian daripada analisis makmal yang saintifik. Ia lebih tertumpu kepada meneliti bentuk, saiz, jenis dan sebagainya. Bahan-bahan yang menjadi tumpuan ialah alat-alat perlombongan dan bahan galian seperti besi dan timah. Analisis ini juga penting kerana selain pengkaji dapat mengenalpasti lokasi lombong, pengkaji juga dapat mengetahui mutu galian yang ditemui. Ini tentunya membantu memberi tafsiran terhadap sumber, teknik, tahap teknologinya dan yang paling penting ialah ia menyokong hipotesis pengkaji bahawa perlombongan di Hulu Dungun merupakan satu kegiatan ekonomi terpenting yang dimulakan oleh orang tempatan dan bukannya orang luar sepertimana yang diwarwarkan oleh penulis sejarah sebelum ini.

---

<sup>28</sup> E.K.Fish, "The Economics of The Handloom Industry og the East Coast of Malaysia," 1962, him. 11.



Gambar 1.2 : Gambar semasa menjelaki kawasan Sungai Cemerong. Kawasan Sungai Cemerong pernah menjadi tempat awal kegiatan perlombongan wolfram oleh sekumpulan orang-orang Cina dari Singapura. Kawasan ini ditinggalkan kerana terlalu sukar didiami disebabkan hutan tebal dan berbukit tinggi. Kemudian, mereka berpindah ke Bukit Lendor.

Bagi maksud analisis saintifik terdapat tiga jenis contoh objek yang diberi perhatian khususnya dan dihantar ke makmal sinaran X. Dalam hal ini, pengkaji menghadapi masalah kemudahan dan kurang kerjasama dari jabatan Kimia dan laporan Pejabat Tanah Galian (PTG) yang mengusahakan lombong emas di Lubuk Mandi bersama Kerajaan Negeri Terengganu sebagai hepatisisnya.



Gambar 1.3 : Gambar yang ditunjukkan adalah seketul batu yang mengandungi Kandungan besi yang tinggi. Penulis telah mengujinya dengan menggunakan magnet. Ketulan batu besi ini membuktikan bahawa kawasan Bukit Besi masih lagi banyak mengandungi bijih besi yang bermutu tetapi kedudukannya agak berselerak.


## PENGENALAN KAWASAN KAJIAN

Tajuk ini memaparkan perihal kawasan kajian iaitu Bukit Lentor dan Bukit Besi. Kajian pada bab ini merangkumi sejarah awal, pembukaan lokasi, latar belakang geografi termasuklah dari sudut geologisnya, geomorfologi, iklim dan penduduk. Sesungguhnya untuk mengenali sejarah Dungun khususnya dari segi perlombongan adalah perlu terlebih dahulu mengetahui latar belakang sejarah awal negeri Terengganu secara keseluruhannya. Hal ini sangat penting kerana dalam mencari titik perhubungan sejarah silam dengan apa yang kita lihat hari ini, sangat memerlukan satu usaha teliti perkaitan asasnya kepada keadaan hari ini.<sup>29</sup> Kepentingan untuk melihat semua fakta dan teori yang berhubung kait dengan sejarah alamnya dalam kehidupan harian asas kepada ketepatan kajian sains sejarah.

Menurut A. Latif, Hairi Abdullah dan H.M Dahlan "Iklim, flora dan vegetasi dan ekologi adalah di antara unsur-unsur yang penting dalam persekitaran biofizikal yang dianggap berpengaruh dalam pembentukan kehidupan sosial dalam sesebuah komuniti "<sup>30</sup> Dalam kajian ini, penulis cuba mengkaji unsur-unsur dalam biofizikal yang melibatkan topologi, geologi, flora dan fauna, iklim serta kependudukan. Oleh hal yang demikian, kita akan melihatnya secara terpisah dalam kajian ini yang menyentuh secara tidak langsung dalam nurian-nurian seterusnya

<sup>29</sup> Titik perhubungan sejarah silam dimaksudkan di sini ialah perkaitan dengan apa yang ada di kawasan Dungun banyak dipengaruhi oleh faktor sejarah lalu.

<sup>30</sup> A. Latiff Hairi Abdullah dan H.M Dahlan. *Kajian Etnografi Sabah*, Universiti Kebangsaan Malaysia Yayasan Sabah, Kota Kinabalu, 1982, hlm.3.



Gambar 14 : Bukit Lendor

Bukit merupakan kawasan kajian penulis. Kawasan ini merupakan tanah tinggi. Permatangnya menganjur dari utara hingga ke selatan. Kemuncak tertinggi Bukit Lendor mencapai ketinggian 1616 kaki. Penulis menjelaki lombong wolfram sebenar.

Daerah Dungun yang terdahulu dikenali sebagai Jajahan Tiga pada tahun 1921. Ia melibatkan daerah Kemasik, Paka dan Kerteh. Hal ini dilakukan kerana ketiga-tiga kawasan tersebut tidak ramai penduduk iaitu antara 9,640 orang sahaja Selain daripada itu, jarak kedudukan ketiga-tiga daerah itu tidaklah jauh. Dalam Jajahan Tiga ini diletakkan seorang Pesuruhjaya Jajahan iaitu di daerah Kerteh yang merupakan Pusat Pentadbiran Jajahan Tiga Manakala dalam daerah Kemasik dan Paka diletakkan di bawah jagaan Penolong Pesuruhjaya Jajahan<sup>31</sup>. Sementara itu, daerah Besut dan Setiu disatukan menjadi sebuah Jajahan Pentadbiran yang berpusat di Kampung Raja (Besut). Pada tahun 1923, Kerajaan Negeri berusaha memperkemaskan pentadbiran di daerah-daerah telah dipergiatkan lagi.

Kali ini di kawasan negeri Terengganu telah dipecahkan kepada tiga jajahan yang besar iaitu Jajahan Timur, Jajahan Tengah dan Jajahan Barat. Penubuhan atau pembentukan jajahan besar itu bermula dalam tahun 1924 yang mana daerah tiga yang dahulunya terdiri dari daerah Paka, Kerteh termasuk Kemaman kini telah ditambah dengan satu daerah lagi iaitu daerah Dungun lalu diberi nama Jajahan Timur. Jajahan Timur ini ditadbir oleh seorang Pesuruhjaya dengan dibantu oleh seorang Penolong Penasihat British. Akibat dari perubahan ini, maka pemerintahan di daerah Kemaman yang dahulu iaitu Che Drahman telah dilucutkan jawatan dan digantikan tempatnya oleh Datuk Jaya Perkasa, yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Jajahan Timor.<sup>32</sup>

Bentuk muka bumi di kawasan Dungun dapat dibahagi kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian persisir pantai berpasir, bahagian tengah tanah pamah dan beralun dan tiga bahagian tanah tinggi dan berbukit ( Hulu Dungun ). Namun begitu, kita juga

<sup>31</sup> Yip Yat Hong, *The Development Of Tin Mining Industry In Malaya*, University Of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 122.

<sup>32</sup> Surat dari Penasihat British kepada Naib Menteri besar bertarikh 22 November 1921, MBOF Trg 203 / 1349.

harus melibatkan kawasan daerah Kemaman kerana ia juga satu pentadbiran yang sama. Apabila kita mengkaji daerah Dungun, kita juga tidak boleh lari dari mengkaji daerah tersebut. Sebenarnya, kedua-dua bahagian ini cuma dipisahkan oleh sebatang sungai di Kemasik. Bentuk muka buminya juga hampir sama dengan daerah Dungun. Dalam kajian ini, kita lebih banyak menemui bentuk muka bumi yang berbukit bukau dan tanah tinggi. Keadaan yang berbukit dan tanah tinggi ini membentuk aliran-aliran sungai yang pendek dan deras. Sungai-sungai ini mengalir ke bahagian timur membentuk dataran-dataran dan muara-muara sungai seperti Kuala Dungun, Kuala Paka, Kuala Kemasik dan Kuala Terengganu.

Di daerah Dungun, kawasan pantainya boleh kita bahagikan kepada dua bahagian bentuk muka bumi iaitu kawasan pantai berpasir dan paya bakau. Keadaan ini boleh kita lihat di semua sungai utama di Dungun dan Kemaman. Malahan sifat fizikal inilah membentuk masyarakat setempat terus hidup bergantung kepada sumber bekalan makanan yang banyak. Masyarakat di Kuala Dungun, Paka, Kemasik dan Kuala Kemaman sebenarnya merasakan satu tempat yang sangat kaya dengan sumber semulajadi. Kehidupan laut dan paya boleh dimakan seperti ikan, ketam, udang, lokan dan siput, malah menjadi sumber ekonomi yang lumayan kepada pendapatan penduduk setempat.<sup>33</sup> Keadaan muara sungai di daerah ini amat baik sekali kerana

---

<sup>33</sup> M Sheppard, "A Short History of Terengganu", dalam *JMBRAS*, Vol. 21, No. 3, 1949, hlm 2

dilindungi bukit-bukit yang amat besar. Kebanyakan nelayan-nelayan di Kuala Dungun dan Kemasik sering terlindung dari tiupan angin pada musim tengkujuh. Dalam pada itu, kita dapati sepanjang Sungai Dungun, Sungai Kemasik dan Sungai Paka telah banyak membentuk dataran pamah yang dijadikan kawasan pertanian padi sawah. Banjir yang sering berlaku pada musim tengkujuh menyebabkan kawasan tersebut amat subur untuk pertanian. Kawasan tengah ini menjadi pembekal makanan pertanian kepada daerah Dungun. Kawasan ini menjadi penyebab kepada pembentukan kawasan penempatan awal manusia di daerah Dungun.<sup>34</sup> Faktor kesuburan tanah dan sistem perhubungan yang disediakan oleh sungai-sungai sekitarnya menjadikan populasi lebih tertumpu di pinggir-pinggir sungai. Di sini mereka boleh menjalankan kegiatan pertanian disamping adanya sumber protein seperti ikan. Apabila kita melihat sejarah awal penempatan masyarakat Dungun, maka kita boleh lihat ianya berkaitan dengan arah aliran penduduknya apabila lombong-lombong mula dibuka.

### Kawasan Bukit Lendor dan Bukit Lempah

Kawasan Bukit Lendor dan Bukit Lempah terletak di daerah Dungun, Terengganu. Ianya berkedudukan pada garis bujur  $103^{\circ}$ ,  $04^{\circ}$ , hingga  $103^{\circ}$  dan garis lintang  $4^{\circ} - 7'$  u hingga  $4^{\circ} - 41'$  u. Luas kawasan ini 48 kilometer persegi. Bandar Al Muktafi Billah Shah adalah bandar utama pada hari ini. Jarak dari Bukit Lendor ke Jerangau Jabur adalah lebih kurang 14 kilometer. Kemudahan perhubungan melalui jalan darat agak baik pada masa ini. Ini adalah disebabkan dengan adanya Lebuhraya Pasir Raja yang merentasi kawasan kajian pada arah timur barat. Selain

---

<sup>34</sup> Dari Barat ke Pantai Timur : Melaka, *Lidah Benar*, 15, 12 – 1930, hlm 4.

dari itu, jalan lori balak yang tersedia adalah memudahkan lagi kerja-kerja penjelajahan. Walau bagaimanapun jika pada hari hujan, perhubungan menjadi rumit. Ini disebabkan kemajuan belum menyeluruh di kawasan ini. Jalan-jalan balak masih menjadi perhubungan utama. Kedudukan Bukit Lentor sebenarnya berada di kawasan Ketengah Jaya. Pada zaman dahulu sebelum adanya perhubungan jalan raya, kawasan ini dihubungi oleh Sungai Jengai. Sungai ini boleh dimudik sehingga ke Kuala Dungun. Ia merupakan satu-satunya jalan perhubungan yang cepat dan murah pada masa dahulu.

Sungai Jengai sangat penting kepada masyarakat setempat. Selain dari alat perhubungan, ia menjadi nadi kehidupan kepada penduduknya dalam kegiatan pertanian dan harian seperti sumber protein dan bekalan air minuman. Penempatan yang berdekatan dengan kawasan kajian ialah Pasir Raja. Terdapat sejarah bagaimana Pasir Raja mendapat nama. Dari sumber lisan, penduduk tempatan mengatakan bahawa Pasir Raja mendapat nama sempena ketibaan Sultan Terengganu di tebing sungai. Baginda Sultan telah mendarat di atas beting pasir Kampung Pasir Raja, maka itulah orang kampung menamakan Pasir Raja. Ada sumber lain mengatakan beting pasir di sungai itu sering disinggahi oleh keluarga Diraja apabila mudik untuk memburu, sebab itu penduduk tempatan memanggilnya Pasir Raja. Kawasan Bukit Lentor dan Bukit Lempah di daerah Hulu Paka merangkumi sepanjang Sungai Kuala Jengai dan cawangan Hulu Sungai Dungun sehingga ke kawasan pergunungan di pedalaman Hulu Dungun.

Bagi menjelaki kawasan-kawasan lombong lama, penulis telah menggunakan kenderaan pacuan empat roda untuk memasuki jalan lori balak. Rentasan kawasan

yang lebih tinggi dan juga anak sungai dilakukan secara berjalan kaki. Sampel-sampel batuan diambil di sepanjang rentasan dan dilabelkan secara sistematik berdasarkan lokasinya. Kawasan Bukit Lendor dan Bukit Lempah yang dimaksudkan dalam kajian ini merangkumi kawasan sepanjang Sungai Jengai dan hulu Sungai Dungun sehingga ke pedalamannya ia juga termasuk kesemua cabang-cabang Sungai Kuala Jengai. Dalam usaha mengenal pasti kawasan tersebut, satu rentasan ke kawasan yang lebih tinggi dan juga anak sungai dilakukan secara berjalan kaki. Kompas jenis Bruton telah digunakan untuk menentukan Jurus dan Mirigan pelepisan. Sampel-sampel diambil di sepanjang rentasan dibuat Lokasi bagi sampel-sampel yang diambil ditanda di atas peta sebagaimana angka ditunjukkan pada peta, lihat lampiran. Satu lakaran kawasan penemuan terhadap singkatan bersama gambar foto diambil bagi menunjukkan struktur atau lain-lain aspek geologi yang berguna.<sup>35</sup>

Kesan-kesan tinggalan lombong hampir lopus disebabkan jangka masa yang ditinggalkan terlalu lama. Keadaan ini ditambahkan lagi dengan proses peluluhawaan yang hebat. Oleh itu struktur tinggalan lama yang terdapat tidak dapat dikesan atau diperhatikan dengan jelas. Selain daripada itu, kadangkala penentuan bagi sesuatu lokasi sukar dipastikan kerana ditutupi hutan-hutan muda dan belukar. Penulis bertuah kerana mendapat bantuan Juruukur dari Pejabat Daerah Dungun dalam mengenali lokasi secara tepat. Kajian penulis mengenai perlombongan di Bukit Lendor adalah diyakini sebagai kawasan sebenar aktiviti perlombongan berlaku.<sup>36</sup>

Geologi Bukit Lendor dicirikan oleh beberapa pembentukan dasar bumi dan sedimentasi yang terdiri daripada berbagai jenis dan peringkat. Penafsiran

<sup>35</sup> *Peta Geologi I Negeri Terengganu 1985*. Pejabat Tanah dan galian Negeri Terengganu, 1985.

<sup>36</sup> *Fail Laporan PTGTr, 1989*.

geomorfologi dilakukan melalui foto udara dimana bentuk topografi kawasan kajian diperhatikan. Oleh itu pamatang, lurah dan struktur geologi utama seperti sasar dapat dikenalpastikan. Selain itu, pemerhatian lapangan juga diperlukan bagi memudahkan lagi pentafsiran.<sup>37</sup> Topografi Kawasan kajian boleh dibezakan kepada tiga bahagian utama berdasarkan ketinggiannya dari aras laut

Kawasan tanah ratanya, meliputi kawasan yang mana ketinggiannya adalah kurang daripada 50 kaki daripada aras laut. Ia merupakan kawasan yang paling rendah, berkedudukan berhampiran dengan legah-legah sungai utama seperti Sungai Jengai, Sungai Angka, Sungai Pedal dan lain-lain. Kawasan yang rendah ini amat mudah sekali diliputi oleh lanar, terutama selepas musim hujan atau apabila hujan lebat berlaku. Bagi kawasan tanah beralun, lokasinya merupakan kawasan yang mana ketinggiannya berada diantara 50 kaki hingga 250 kaki. Kawasan ini diwakili oleh bantuan metasedimen yang menunjukkan ciri permukaan yang beralun-alun.

Kawasan tanah tinggi pula melibatkan kawasan yang melebihi 250 kaki ketinggiannya daripada aras laut. Hampir 60% daripadanya tanah tinggi Permatang-permatang didapati menganjur dari utara hingga ke selatan, kebanyakan kawasan ini diliputi oleh granit dan sebahagian kecil oleh bantuan metasedimen. Bukit Lentor adalah kemuncak yang tertinggi di kawasan kajian yang mencapai ketinggian 1616 kaki.<sup>38</sup> Ianya terletak di bahagian barat laut kawasan kajian. Lain-lain kemuncak yang tinggi ialah Bukit Lempah, Bukit Jeram dan beberapa kemuncak lagi yang membentuk permatang-permatang utama.

---

<sup>37</sup> Peta Geologi Negeri Terengganu 1989, Fail Pejabat Tanah dan Galian Negeri Terengganu, 1989

<sup>38</sup> K.W. Lee The Geology, Mineralization of Studies of the Bukit Lentor area Terengganu B. Sc (Hon) Tesis. University of Malaya 1971, hlm. 128.

Dari segi saliran pula, didapati Sungai Jelai merupakan sungai utama yang mengalir dari selatan ke utara. Purata lebar sungai ini adalah 8 meter dan mempunyai kedalaman yang sentiasa berubah-ubah bergantung kepada pengaruh hujan. Pada musim kemarau, sungai ini agak cetek manakala pada musim tengkujuh airnya lebih dalam dan deras. Longgokkan pebel-pebel batuan seperti granit, sabak, filit, batu pasir, hamfal dan lain-lain boleh didapati di sepanjang lekukan Sungai Jengai. Di samping itu, terdapat banyak anak-anak sungai yang sederhana besarnya mengalir ke dalam sungai utama ini, termasuklah Sungai Pedal, Sungai Gala, Sungai Empang, Sungai Lempah, Sungai Angka dan lain-lain.

Corak Sungai reranting merupakan ciri utama bagi kebanyakan pola saliran di kawasan kajian, yang mana ia adalah lebih dominan. Contoh paling baik ditunjukkan oleh Sungai Pedal. Letakannya adalah betul-betul di tengah kawasan kajian. Sistem sungai yang ringkas biasanya mempamirkan corak reranting yang mana anak-anak sungainya akan bertemu pada sungai utama dengan membuat sudut tirus.<sup>39</sup>

Sungai yang bercorak jejari pula amat jelas sekali di kawasan sekitar Bukit Lentor. Corak jejari dipercayai terhasil akibat pembentukan kubah yang naik ke atas Bagi strata Metasedimen ketika belakangnya perejahan granit. Corak yang sama juga boleh didapati di sekitar Bukit Lempah, Bukit Jeram dan lain-lain lagi kawasan yang mana ia terdiri daripada batuan granit. Bagi sungai yang bercorak jejala hanya tertumpu di persekitaran Sungai Empang, Sungai Lempah Deras Bah, Sungai Kachang, Sungai Bekah dan Sungai Kandis. Kesemua sungai-sungai ini tertumpu

---

<sup>39</sup> Lihat, Peta Saliran Topologi Daerah Dungun 1963.

berhampiran dengan Pulau Nyiur. Corak jejala disebabkan oleh siri batuan sedimen yang mempunyai kemiringan yang rendah. Batuan yang lembut seperti lempung dan syal akan dihakis lebih cepat berbanding dengan batuan yang lebih keras. Oleh itu corak yang mana sungai mengalir di sepanjang jurus pelapisan adalah lebih biasa. Walaupun Permatang Rabung secara kasarnya adalah simetri, arahan bagi kemiringan batuan secara amnya boleh ditafsirkan.

Kawasan kajian mengalami iklim Monsun Tropika. Hujan yang banyak turun pada bulan September hingga Mac yang dibawa oleh angin Monsun Timur Laut, manakala angin Monsun Barat Daya membawa hujan yang sederhana banyaknya pada bulan Mei hingga Jun. Keterangan yang lebih lanjut ditunjukkan oleh jadual 11

JADUAL 1.1

KADAR JATUHAN HUJAN DIKAWASAN HULU DUNGUN 1986

| BULAN<br>SUHU(°C) |        | JATUHAN HUJAN |
|-------------------|--------|---------------|
| JANUARI           | 44.0   | 22.4          |
| FEBRUARI          | 01.8   | 25.8          |
| MAC               | 29.0   | 27.8          |
| APRIL             | 22.5   | 27.8          |
| MEI               | 134.8  | 27.5          |
| JUN               | 110.0  | 27.1          |
| JULAI             | 54.8   | 27.1          |
| OGOS              | 112.2  | 26.9          |
| SEPTEMBER         | 206.6  | 26.4          |
| OKTOBER           | 210.4  | 26.3          |
| NOVEMBER          | 1366.5 | 25.8          |
| DISEMBER          | 477.2  | 25.2          |

Sumber *Laporan Akhir Kajicuaca Negeri Terengganu tahun 1986* Ihsan Pejabat Kajicuaca Negeri Terengganu

Jadual 1.1 menggambarkan kadar kejatuhan hujan di kawasan kejadian Berdasarkan jadual tersebut, kita dapati kadar hujan yang paling lebat berlaku pada Ogos hingga November. Pada bulan Ogos, jatuhan hujannya 112.2", September 206.6", Oktober 210.4" dan November, 1366.5". Bulan yang paling banyak menerima bekalan hujan dengan kadar suhu 27°C setahun. Keadaan ini mempengaruhi kadar pertumbuhan flora dan luluhan yang aktif sehingga boleh merubah bentuk

mukabumi dengan cepat. Oleh kerana kadar hujan dan panas yang tinggi, proses peluluhawaan di kawasan kajian adalah sangat tinggi. Keluluhawaan fizikal dan kemiringan sangat giat sehingga menukar keadaan semulajadi muka bumi di kawasan tersebut. Batuan-batuhan semulajadi yang terdedah kepada cuaca menjadi lemah dan akhirnya menghasilkan tanah-tanah peroi. Bukti-bukti kawasan kajian melalui peluluhawaan yang kuat dapat ditunjukkan oleh tanah-tanah granitik, struktur tiang pada metasedimen dan juga kesan lekukan pada batuan sabak berkiastolik.

Kawasan Bukit Lendor umumnya ditumbuhi dengan tumbuhan hutan jenis Hutan Hujan Tropika Ianya hanya kaya dengan pokok-pokok yang tinggi dan besar seperti Chengal, Meranti, Bakau, Kenuing, Kapur dan lain-lain. Hutan-hutan ini telah dieksplotasikan sepenuhnya oleh penduduk setempat dalam pelbagai kegunaan antaranya membuat rumah, jambatan dan kayu api<sup>40</sup>. Walau bagaimanapun, pada hari ini keadaan sudah banyak berubah. Kegiatan pembalakan yang berleluasa dilakukan sama ada oleh syarikat-syarikat perkayuan atau masyarakat setempat. Kegiatan penerokaan yang dilakukan oleh individu untuk dijadikan kawasan pertanian sedikit sebanyak turut merubah bentuk muka bumi dan iklim taburan hujan. Sungai Kuala Jengai tidak lagi jernih seperti dahulu. Kegiatan pembalakan dan pembukaan tanah mengakibatkan hakisan dan pemendapan tanah. Banjir pula kerap berlaku di kawasan ini. Kawasan Bukit Lendor memang kaya dengan hidupan liar kerana ia masih diliputi hutan tebal. Kawasan yang kaya dengan sumber makanan binatang ini menyaksikan kehadiran beberapa spesis binatang mamalia, reptilia dan amfibia. Umpamanya kawasan Bukit Lempah banyak terdapat kijang, rusa, pelanduk, harimau, gajah dan babi hutan. Terdapat juga mamalia kecil seperti memerang, monyet,

---

<sup>40</sup> *Laporan Jabatan Hutan Negeri Terengganu 1975*, Penyata laporan Pejabat Hutan Negeri Terengganu 1975.

menkira dan lain-lain lagi. Di Bukit Lentor juga terdapat berbagai jenis burung seperti Enggang, Bayan, Merbuk, Pipit, dan lain-lain lagi. Kawasan ini sangat sesuai dijadikan lokasi pemburuan yang baik. Ini disebabkan hutan ini didiami binatang liar seperti harimau, beruang, pelanduk, ular dan lain-lain lagi. Adalah sukar untuk menentukan bilakah kawasan ini mula didiami oleh manusia. Namun kita percaya kawasan ini baru sahaja didiami oleh manusia lebih kurang dalam 50 tahun yang lalu. Ada yang berpendapat pada tahun 1906 ia cuma tempat kediaman Orang Asli sahaja yang mengamalkan corak hidup berpindah randah ke kawasan lain seperti di Sungai Berua di Hulu Terengganu. Dari sumber penduduk tempatan, mereka mula menetap di sini pada tahun 1920an. Mereka datang untuk meneroka tanah. Sebahagian daripada mereka berasal dari negeri Kelantan.<sup>41</sup> Kegiatan harian mereka bercucuk tanam dan menangkap ikan di sungai untuk kegunaan sendiri. Kehidupan masyarakat luar pada masa lalu banyak mempengaruhi gaya pertuturan, politik, dan sosial. Dari segi bahasa, pertuturan masyarakat Kuala Jengai sukar difahami kerana mereka menggunakan bahasa pertuturan orang Hulu Terengganu. Hanya beberapa patah perkataan tertentu sahaja dikenalpasti. Dari segi politik, masyarakat pedalaman sangat taat kepada penghulu dan ketua kampung. Apa sahaja keputusan atau arahan kedua-dua tokoh tersebut akan dituruti. Sistem politik masyarakat Kuala Jengai sangat mudah.

Dari sudut aspek perhubungan sosial, pada dasarnya perhubungan masyarakat sangat kukuh. Oleh kerana rata-rata ahli anggota mempunyai kaitan persaudaraan atau darah, maka konsep saling mengambil tahu masalah masyarakat sangat ketara.

---

<sup>41</sup> Abdul Hamid Abdullah, "Pembukaan Tanah Baru oleh LKTP di Terengganu", Satu Tinjauan Permulaan, *Ilmu Alam*, Bil 1, Mei, 1972, hlm.68.

Amalan gotong-royong masih berterusan, contohnya dalam kenduri-kendara, kematian, nikah kahwin dan sebagainya. Kelembapan kemasukan arus permodenan menyebabkan budaya dan amalan tradisi masih segar diamalkan di kawasan Kuala Jengai. Pada hari Kemudahan perhubungan jalan raya menyebabkan mereka mudah dihubungi oleh dunia luar.<sup>42</sup>

---

<sup>42</sup> Kenyataan En. Abdullah bin Endut, Penolong Kanan Sek. Keb. Pasir Raja Dungun, di Kuala Jengai Dungun, 23.12.2000.

## Bukit Lentor dan Bukit Lempah

Perihal Hulu Paka sangat kurang diketahui oleh para penyelidik sejarah sehingga kawasan itu menjadi satu kawasan pengeluaran wolfram yang utama di Tanah Melayu. Sebelum penemuan wolfram, sejarah Hulu Paka hampir kosong. Kekosongan pengetahuan kita terhadap Hulu Paka sebenarnya merangkumi seluruh daerah Dungun jika lombong bijih besi tidak ditemui. Oleh sebab kekurangan yang menyentuh tentang Hulu Paka (Bukit Lentor dan Bukit Lempah), maka kehadiran pelombong-pelombong Cina ke Dungun dalam perusahaan besi turut mencatat Hulu Paka sebagai pengeluar wolfram.

Kehadiran syarikat-syarikat dari Jepun dan British turut berperanan besar membuka lembaran baru pengkajian sumber sejarah di Hulu Dungun. Adalah amat merugikan kalau kita melihat masalah kekurangan rakaman sejarah terhadap daerah Hulu Paka ini dengan sebelah mata. Jika kita kaji dari sumber-sumber bertulis, hampir tiada langsung mencatatkan tentang sejarah awal Bukit Lentor dengan jelas. Adalah dipercayai pada era 1910an, orang Terengganu belum lagi mengalami budaya mencatat atau mungkin penduduk Terengganu buta huruf, jika adapun yang boleh membaca cuma satu atau dua orang sahaja di satu-satu daerah. Mereka tidak merakam catatan yang berlaku di sekeliling mereka. Tentang Hulu Paka cuma sekadar disebut sekali dua dalam laporan cukai kastam di Terengganu.<sup>43</sup> Tidak terdapat diskripsi atau dokumen tentang Bukit Lentor, malah tidak dinyatakan dengan jelas siapakah yang menemui kawasan tersebut. Ketiadaan rekod pembukaan kawasan ini yang lengkap telah menimbulkan masalah kepada penyelidik sejarah Terengganu. Kekurangan sumber ini menyebabkan penyelidik memerlukan pemerhatian di tapak kawasan,

---

<sup>43</sup> Fail Suk.Tr no 55/1346.

pemikiran, cerita-cerita serta maklumat lisan dari penduduk tempatan. Dalam hal ini memerlukan pula disiplin ilmu yang lain. Tambahan pula keraguan tentang kesahihannya tentu sekali akan timbul memandangkan Oral History banyak bergantung kepada sumber yang tidak bertulis.

### Bukit Besi

Bukit Besi diberi nama oleh masyarakat setempat berdasarkan kepada penemuan bijih besi di kawasan tersebut. Pada mulanya, Bukit Besi dikenali sebagai Chemuak. Apabila sahaja besi ditemui, masyarakat menyebutnya Bukit Besi berdasarkan tempat besi ditemui. Menurut Encik Abdullah Hassan, nama Bukit Besi bermula apabila "orang bertanya, hendak ke mana ? Ke Bukit Besi ". Lama kelamaan ia menjadi sebutan tempat itu. Pada tahun 1931, panggilan Bukit Besi akhirnya diisytiharkan secara rasmi oleh Kerajaan Negeri dengan nama Bukit Besi.<sup>44</sup>

Menurut sumber lisan dan dibantu dengan peta topo daerah Dungun, kawasan Bukit Besi merupakan kawasan yang berbukit bukau dan tanah tinggi Hulu Dungun. Oleh kerana bentuk muka bumiya berbukit, maka diberi nama Bukit Chemuak, apabila terjumpanya besi, namanya bertukar kepada Bukit Besi. Pada masa dahulu, kawasan ini cuma dikenali sebagai "Bukit" atau sesetengahnya memanggil Hulu Chemuak oleh masyarakat setempat. Masyarakat tempatan sering ke sini untuk memburu dan memungut hasil hutan. Bukit Besi terletak pada garis bujur  $102^{\circ}$  utara dan garis lintang  $43^{\circ}$  timur. Kedudukannya geografinya ialah -1. Terletak kira-kira 39 kilometer dari bandar Dungun dari sebelah barat. Bukit Besi juga merupakan salah sebuah kawasan di bahagian Hulu Dungun bersempadan Hulu Paka.<sup>45</sup> Bukit Besi

---

<sup>44</sup> Kenyataan Encik Abdullah bin Hassan ketika temuramah di rumahnya di Kg. Pinang Dungun pada 30.12.2000.


<sup>45</sup> Peta kawasan Penempatan Sura, Dungun Fail EMMCO, 1952, hlm.9. Sila Rujuk Lampiran.

hari ini boleh dilalui melalui jalan darat ke Kuala Terengganu sejauh 78 kilometer. Bandar yang terdekat ialah bandar Dungun dan Durian Mas Muktafi Billah Shah di kawasan Ketengah.<sup>46</sup>

Pada masa dahulu, kawasan ini diliputi hutan tebal dan berbukit-bukau. Pada zaman pengeluarannya, Bukit Besi boleh dihubung melalui jalan darat (jalan raya dan jalan keretapi) ke bandar Dungun. Di kawasan ini juga terdapat banyak cawangan-cawangan sungai yang pendek lagi deras alirannya. Keadaan ini tidak sesuai untuk perhubungan. Bukit Besi mula didiami orang pada tahun 1889. Setelah lombong besi dibuka, Bukit Besi bertukar wajah. Pada hari ini, Bukit Besi sudah berbeza, ia menjadi tempat penempatan baru tetapi tidak sehebat zaman Bukit Besi ketika kegemilangannya.

---

<sup>46</sup> Peta Layout – EMMCO Mine Kawasan Bukit Besi *Fall EMMCO, 1963*. NO.102/39 ANM Kuala Lumpur.



Gambar 1.5 : Lokasi Bukit Lentor

Pandangan dari jauh kawasan Bukit Lentor. Bukit Lentor merupakan satu-satunya kawasan lombong wolfram yang paling produktif pengeluarannya dari tahun 1910-1925. Selepas itu, pengeluarannya mula merosot.



Gambar 1.6 : Laluan Ke Bukit Lentor

Gambar menunjukkan kawasan laluan ke Bukit Lentor. Untuk ke kawasan tapak lombong hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda. Laluan ke sana amat sukar jalan-jalan balak yang ditinggalkan.

Bukit Besi termasuk dalam daerah Hulu Dungun, dengan keluasan 32 kilometer persegi iaitu meliputi 10 % dari keluasan daerah Dungun. Kawasan Bukit Besi tidaklah begitu luas jika dibanding dengan kawasan lain di Dungun. Nama kawasan ini diambil sempena penemuan besi di kawasan-kawasan sekitar bukitnya. Malah kawasan tersebut menunjukkan jaluran batu-batu yang mengandungi oksida besi yang banyak. Penemuan besi ini menjadi sejarah awal penerokaan penulisan sejarah perlombongan di negeri Terengganu dan malahan menarik ramai ahli-ahli geologi mengkaji struktur batuan serta kandungan mineralnya.

Kajian-kajian sejarah terdahulu mendapati sudah ramai orang Cina datang untuk mencari sumber galian di Bukit Besi. Mereka percaya kawasan ini banyak mengandungi sumber galian, tetapi tidak dapat menentukannya dengan tepat. Malah dikatakan orang Cina pernah membuat penempatan di kawasan tersebut. Dikatakan juga, orang Cina datang ke sini untuk mencari bijih timah. Ini bermakna mereka tidak pernah mengetahui langsung kawasan ini mengandungi bijih besi.<sup>47</sup>

Geologi Bukit Besi dicirikan oleh beberapa pembentukan dasar bumi dan sedimentasi yang terdiri pelbagai jenis dan peringkat. Bagi Bukit Besi sekurang-kurangnya lima jenis peringkat sedimentasi iaitu seperti dalam jadual di bawah. Daripada semua peringkat sedimentasi, ia termasuk salah satu batuan syunet (granit) oksida besi yang banyak mengandungi bijih besi. Kajian petrografi ke atas batuan-batuan sedimen berserta dengan penafsiran struktur sedimen telah dilakukan bagi menentukan keadaan lingkungan kandungan bijih besi yang mungkin terdapat di dalamnya.

---

<sup>47</sup> Hanafi Dollah, "Ekonomi, Terengganu Prakolonial Satu Analisis Mencari Feudalismanya," dalam PURBA, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bil 4, 1985, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm .63.

Di lapangan, beberapa jenis batu lodak boleh ditemui di kawasan Bukit Besi Kita boleh mengenalinya berdasarkan warna dan ciri-ciri struktur sedimen yang hadir Bagi jenis batu lodak yang segar biasanya berwama kelabu kehitaman yang disebabkan oleh bahan berkarbon (foto) manakala batu lodak yang mengalami peluluhawaan hebat akan mempamerkan warna kemerah-merahan disebabkan kehadiran oksida besi.<sup>48</sup> Di dalam batu lodak ini juga boleh dilihat kehadiran struktur laminasi yang berwama kekuningan disamping kehadiran telera i kuarza yang nipis. Kita juga boleh temui batu lodak yang berwama kuning kekelabuan disamping kehadiran kekanta yang terdiri daripada butiran bersaiz lodak dan lempung. Dalam keratan nipis, kebanyakan batuan ini terdiri daripada butir-butir kuarza gersik yang bersudut sehingga sub-bundar saiz butiran kuarza biasanya berbeza-beza yang bergaris pusat diantara 0.0625-0.0039 mm. Kepingan muskorit dan biotit mudah dikenali kerana ia menunjukkan warna gangguan tertib kedua dan merupakan kepingan muskorit mengatur hampir selari diantara satu sama lain yang menunjukkan arah perlapisan.

Bahan-bahan berkarbon dan oksida besi juga wujud sebagai bintik-bintik opak di dalam matrik yang kelihatan gelap dan keperangan. Kebanyakan matrik di dalam batuan ini terdiri daripada serosit, lempung dan mineral-mineral bermika yang berbutir halus. Kadangkala batu lodak mempamerkan pelapisan, didapati gred bagi saiz butiran menjadi semakin halus. Temuan besi diantara pelapisan-pelapisan yang bergred ini adalah amat jelas. Oleh itu, pelapisan diantara lodak dan lempung dapat dibezakan.<sup>49</sup>

<sup>48</sup> T.C. Lim, 'Geologi kawasan Kemaman, Negeri Terengganu.' B.Sc (Hons) Thesis Universiti Malaya, 1986.

<sup>49</sup> L.S. Leong, 'Geology of Mineralization of the Western Hill Area, Batu Tiga, Bukit Besi, Terengganu.' B. Sc (Hons ) Thesis University of Malaya, 1970.

Kuarza polihabluran yang mempamerkan pada mana bergelombang yang kuat mencadangkan asalnya daripada batuan metamorfisme. Kuarza polihabluran semula semasa metamorfisme Mengikut Krynine's (di dalam Folk, 1964 ) kuarza monohabluran yang mempamerkan sama ada lurus atau berkedut berserta dengan kehadiran inklusi serisit adalah merupakan kuarza daripada batuan metamorfisme tercich. Di dalam sampel batu pasir serpihan batuan syal atau sabak, ianya dibentuk daripada bahan yang berbutir halus. Ciri-ciri utamanya ialah terbentuk sebagai mineral berplata yang dihasilkan daripada batuan yang kaya dengan kuarza Muskorit yang dibentuk kadangkala menunjukkan aturan selari dan juga boleh tertonjol

Mika merupakan kandungan yang terlalu sedikit terdapat di dalam kandungan batu pasir iaitu 2.7 %. Ia terbentuk sebagai mineral berplata dan kadangkala secara besar-besaran. Kebanyakan mika yang wujud telah mengalami penggantian kepada serisit dan klorit.

Mineral optik hadir di dalam batu pasir sama ada sebagai luklusi di dalam kuarza atau matrik batuan. Ia juga boleh hadir sebagai berbentuk subhebral diantara butiran. Terdapat beberapa jenis mineral opak yang dicamkan seperti hematit dan pirit. Hematit biasanya berwarna perang kemerahan yang disebabkan oleh penghasilan sekunder daripada proses perluluhawaan batu pasir. Pirit dapat dicamkan dengan mudah kerana ia adalah euhedral dan gelap di bawah nikol silangan. Pirit terbentuk secara autogeni di dalam batu pasir.<sup>50</sup>

---

<sup>50</sup> I bid.

Matrik di dalam batuan dihasilkan dari butiran. Kebanyakan mineral-mineral lempung dipercayai merupakan perubahan daripad felspar. Perubahan ini boleh ditunjukkan seperti di bawah -

Felsfar → Muskorit Sekunder → Itlit → Kaohinit

(selepas Yoders dan H P Eusster 1985)

Walau bagaimanapun, mineral opak dan bahan berkarbon merupakan sebahagian besar daripada matrik di dalam batuan yang terdapat di Bukit Besi. Komposisi matrik di dalam batu-batuan di sini berubah-ubah dari masa ke semasa.

### GEOMORFOLOGI BUKIT BESI

Boleh dibahagikan kepada tiga jenis kawasan yang utama berdasarkan kepada keadaan geografi dan alam sekitarnya iaitu, tanah rata ( sawah ), tanah pamah beralun dan bukit-bukau. Namun sebahagian besarnya berbukit batu yang keras. Terdapat aliran air yang sempit antara bukit-bukit, manakala kawasan pamah agak rata dan diliputi hutan dan belukar. Kawasan tanah rendahnya diliputi air dan rumput

Selain daripada itu, Bukit Besi juga mengalami beberapa perubahan ketika masa silamnya. Ekoran pembukaannya sebagai lombong bijih besi terbesar di Tanah Melayu, sebahagian besar bentuk muka buminya turut berubah seperti terbinanya sebuah tasik yang luas kesan lombong besi, kewujudan kawasan tanah rata yang luas akibat pengorekan serta kewujudan penempatan yang padat.<sup>51</sup>

<sup>51</sup> Mohd Taib Abdul Rahman, " Pendudukan Jepun di Terengganu : Struktur Pentadbiran dan kesan sosial," WARISAN, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Terengganu, bil H, 1983, hlm.15.

Pada hari ini, Bukit Besi turut mengalami beberapa perubahan lagi dari bentuk muka bumi sungai dan persekitarannya. Menurut Buyung Adil, Bukit Besi pada zaman dahulu merupakan satu bandar baru yang hebat. Umpamanya pada zaman sebelum Jepun menjajah Malaya, kegiatan perlombongan sahaja dijalankan tetapi pada ketika Jepun memerintah, industri peleburan turut dijalankan di sini. Akhirnya pada masa kini, Bukit Besi lebih kepada taman rekreasi.

Kawasan Bukit Besi mengalami iklim Khatulistiwa, dengan hujan dan panas sepanjang tahun. Taburan hujan agak sekata kerana kawasan pedalaman yang banyak menerima hujan melebihi 240" setahun. Pada musim Monsun Timur Laut, kawasan ini sering kali mengalami banjir. Kebiasaan hujan yang banyak di kawasan ini menyebabkan banjir di kawasan sekitarnya. Kawasan ini merupakan kawasan yang paling basah di daerah Dungun. Suhu di kawasan ini sekitar  $23^{\circ}\text{C}$  hingga  $31^{\circ}\text{C}$ .

Kawasan Bukit Besi pada umumnya masih diliputi hutan dan sebahagian besarnya merupakan hutan dara, manakala yang lainnya belukar tebal iaitu tinggalan kawasan pembalakan kira-kira 30 - 40 tahun yang lalu.<sup>52</sup> Pada masa kini, sebahagian kawasan telah ditanami dengan pokok kelapa sawit. Kawasan-kawasan bekas lombong telah dimajukan sebagai tempat pelancongan dan rekreasi. Bahagian barat Bukit Besi ditumbuhi pokok nipah dan rumput pada bahagian tasiknya.

Kawasan Bukit Besi memang kaya dengan hidupan liar. Oleh kerana ia masih diliputi hutan, banyak spesis mamalia, reptilia dan amfibia boleh ditemui. Bekas-bekas lombong yang bertukar menjadi tasik, kini menjadi pusat pembiakan air tawar. Pada hari ini terdapat syarikat-syarikat persendirian dan milik KETENGAH yang

---

<sup>52</sup> Laporan Pejabat Hutan Terengganu, *Rancangan Pemulihian Hutan Hulu Dungun 1984*, hlm.3.

mengusahakan ternakan ikan air tawar. Kawasan ini juga masih terdapat banyak gajah dan harimau. Kadangkala binatang ini mengganggu ketenteraman masyarakat setempat dengan memusnahkan tanaman dan binatang ternakan. Spesis burung, ayam hutan dan lain-lain banyak didapati di dalam hutan Bukit Besi ini. Pada musim memburu, kawasan Bukit Besi menjadi pilihan yang sangat diminati terutama memburu ayam hutan dan pelanduk.

Seperti kawasan-kawasan lain, adalah terlalu sukar untuk menentukan bilakah kawasan Bukit Besi mula didiami oleh manusia. Menurut sumber lisan, Bukit Besi mula didatangi dan didiami pada 1870an lagi. Pada masa itu, ia cuma didiami oleh kumpulan-kumpulan pencari rotan, damar dan hasil-hasil hutan yang lain. Golongan itu tidak menetap kekal di sini. Mereka sering berulang-alik ke Dungun dan Paka.<sup>53</sup>

Terdapat juga kumpulan-kumpulan Orang Asli yang mendiami Lembah Sungai Chemuah tetapi bilangan mereka tidaklah seramai di Sungai Berua, Hulu Terengganu. Secara rasmi kawasan ini mula didiami apabila bijih besi ditemui pada 1917. Namun begitu, sebelum itu ia telah didatangi oleh orang Cina untuk mengusahakan lombong bijih timah tetapi cuma untuk beberapa tahun sahaja. Pada tahun 1921, Bukit Besi mula menjadi tumpuan manusia apabila NMC mula membuka bijih besinya.<sup>54</sup>

---

<sup>53</sup> Kenyataan yang diberi oleh Haji Karim bin Mahmud ketika temuramah di rumahnya di Kampung Padang Pulut, Dungun, 28.12.2000.

<sup>54</sup> Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, hlm.3.